

SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

67 PERSPEKTIF KESELURUHAN

68 PEMBIAYAAN

70 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

73 HUTANG LUAR MALAYSIA

74 HUTANG SEKTOR AWAM

75 TINJAUAN 2025

75 KESIMPULAN

SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

Perspektif Keseluruhan

Paras hutang global telah berkurang secara beransur-ansur kepada 93.2% daripada KDNK dunia pada 2023 selepas mencecah paras tertinggi menghampiri 100% pada 2020. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara masih berhadapan dengan cabaran untuk mengurangkan paras hutang tinggi yang berlarutan pascapandemik. Pihak IMF mengunjurkan nisbah hutang global kekal tinggi dalam jangka masa sederhana dengan andaian dasar semasa negara tidak berubah, pertumbuhan ekonomi menyederhana dan pengurangan kadar dasar yang lebih perlahan. Keadaan ini akan meningkatkan pendedahan risiko hutang negara yang menggesa penggubal dasar untuk lebih berwaspada dengan persekitaran geopolitik dan kewangan global.

Pada peringkat domestik, pembiayaan sokongan fiskal menerusi hutang yang ketara semasa pandemik perlu dikurangkan secara beransur-ansur bagi memastikan kemampuan fiskal tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, terdapat keperluan segera untuk membina semula ruang fiskal di samping menyediakan sumber yang mencukupi agar negara kekal berdaya saing dan relevan dalam landskap ekonomi global serta melindungi kesejahteraan rakyat. Inisiatif tersebut berpaksikan kepada kerangka Ekonomi MADANI yang melakar haluan trajektori ekonomi negara dengan lebih jelas. Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengimbangi antara tanggungjawab fiskal dengan kestabilan makroekonomi di samping memastikan kesaksamaan antara generasi dalam mendepani cabaran tersebut.

Sehubungan itu, dasar fiskal kekal menyokong pertumbuhan ekonomi di samping meneruskan konsolidasi fiskal secara berperingkat bagi mengurangkan beban hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana seperti ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Akta 850 memberikan mandat kepada Kerajaan untuk menggubal dasar hutang yang berkesan secara bertanggungjawab dan berhemat bagi memastikan kemampuan berhutang dan kemampuan hutang. Dalam hal ini, Jawatankuasa Risiko Fiskal, Hutang dan Liabiliti (JRFL) telah ditubuhkan pada Mac 2024 melalui peruntukan di bawah Akta 850 untuk menilai pendedahan risiko fiskal, hutang dan liabiliti lain kepada Kerajaan.

Pengurusan fiskal yang lebih kukuh telah mengembalikan semula minat pelabur dan menyumbang kepada sentimen pasaran yang lebih baik seperti yang ditunjukkan oleh prestasi ringgit dan pasaran ekuiti kebelakangan ini. Keadaan ini telah menyumbang kepada kestabilan kadar hasil pasaran dan membantu Kerajaan mencapai objektif pengurusan hutang dalam memenuhi keperluan pembiayaan pada kos paling rendah dengan tahap risiko yang munasabah. Strategi pinjaman akan terus mengutamakan terbitan domestik untuk meminimumkan risiko tukaran asing dan terbitan sekuriti jangka panjang yang lebih besar bagi mengurangkan risiko pembiayaan semula. Selain itu, Kerajaan terus meningkatkan ketelusan untuk memaparkan kredibiliti dan mengukuhkan keyakinan pelabur serta mematuhi peraturan hutang yang ditetapkan.

Pembiayaan

Program pinjaman Kerajaan Persekutuan memainkan peranan penting dalam menyokong dasar fiskal terutamanya untuk membiayai defisit dan membiayai semula hutang matang. Jumlah keseluruhan pinjaman kasar pada 2024 dianggar berkurang kepada RM206 bilion atau 10.6% daripada KDNK (2023: RM226.6 bilion; 12.4%) yang diperoleh sepenuhnya menerusi pasaran domestik. Daripada jumlah ini, sebanyak RM84.3 bilion diperuntukkan bagi pembiayaan defisit dan RM121.3 bilion untuk bayaran balik hutang yang akan matang. Bayaran balik hutang yang akan matang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM43.5 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) RM44 bilion, Bil Perbendaharaan RM28 bilion, Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) RM5.5 bilion dan pinjaman luar pesisir RM0.3 bilion.

Pasaran domestik yang kukuh dan berkecairan tinggi membolehkan Kerajaan memperoleh keseluruhan pinjaman dan mengurus keperluan aliran tunai menerusi terbitan dalam denominasi ringgit. Jumlah terbitan MGS dianggarkan sebanyak RM90.5 bilion atau 43.9% daripada jumlah pinjaman kasar manakala MGII sebanyak RM92.5 bilion atau 44.9%. Sementara itu, terbitan Bil Perbendaharaan dijangka berkurang hampir separuh berbanding 2023 iaitu RM23 bilion atau 11.2% daripada jumlah pinjaman kasar.

Sehingga akhir Ogos 2024, sebanyak RM148 bilion atau 71.2% daripada jumlah pinjaman kasar diterbitkan melalui 26 terbitan MGS dan MGII berjumlah RM129 bilion serta 12 terbitan Bil Perbendaharaan sebanyak RM19 bilion. Terimaan pinjaman telah digunakan bagi bayaran balik hutang yang matang berjumlah RM82.1 bilion manakala baki RM65.9 bilion untuk membiayai defisit dan sebahagian hutang yang akan matang dalam tempoh terdekat.

JADUAL 4.1. *Pembiayaan Kerajaan Persekutuan, 2023 – 2024*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024 ²	2023	2024 ²
Pinjaman kasar	226,595	206,000	100.0	100.0
Dalam negeri	226,595	206,000	100.0	100.0
MGS	90,000	90,500	39.7	43.9
MGII	95,000	92,500	41.9	44.9
Bil Perbendaharaan	41,595	23,000	18.4	11.2
Luar pesisir	-	-	-	-
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	-	-	-	-
Bayaran balik	134,037	121,320	100.0	100.0
Dalam negeri	133,789	121,020	99.8	99.8
Luar pesisir	248	300	0.2	0.2
Pinjaman bersih	92,558	84,680	-	-
Dalam negeri	92,806	84,980	-	-
Luar pesisir	-248	-300	-	-
Perubahan aset¹	-1,166	-384	-	-
Jumlah pembiayaan defisit	91,392	84,296	-	-

¹ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

² Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Operasi pinjaman dilaksanakan melalui Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST)¹. Pada 2024, 85.4% daripada pinjaman dijangka diperoleh melalui lelongan awam mengambil kira kapasiti pasaran domestik yang mencukupi, manakala baki menerusi tawaran persendirian terutamanya melibatkan terbitan jangka panjang. Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan pembelian semula dan penukaran kertas hutang (*switch auction*) sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan hutang secara aktif dalam mengurus profil kematangan. Selain itu, sebanyak 33 daripada 37 terbitan bertempoh sederhana dan panjang akan dibuka semula melalui 14 kod stok kertas hutang sedia ada.

¹ Platform dalam talian untuk memudahkan terbitan utama bagi semua instrumen hutang dan pasaran wang yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Langkah ini selaras dengan strategi mengurangkan bilangan kertas hutang terkumpul serta meningkatkan kecairan terbitan penanda aras.

Bagi mengawal risiko pembiayaan semula, terbitan kertas hutang jangka pendek (kurang dari setahun) dijangka berkurang kepada 11.2% daripada jumlah pinjaman kasar pada 2024 berbanding 18.4% pada 2023. Sementara itu, komposisi instrumen jangka sederhana (3- hingga 7-tahun) dianggarkan meningkat kepada 37.9% dan jangka panjang (10-tahun ke atas) kepada 50.9% (2023: 37.3%; 44.3%) terutamanya disebabkan oleh spread kadar pinjaman antara tempoh matang yang semakin mengecil. Justeru, tempoh matang purata berwajaran bagi terbitan keseluruhan 2024 diunjurkan pada 11.4 tahun (2023: 10.3 tahun) sejajar dengan strategi pengurusan hutang untuk mengimbangi kos pembiayaan dan membangunkan profil kematangan yang terurus.

Berdasarkan laporan Bank Dunia, persekitaran kewangan global secara amnya bertambah baik sejak 2023 digambarkan melalui pengurangan premium ke atas risiko meskipun kadar faedah global kekal tinggi. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2024, Rizab Persekutuan AS (Fed) mengekalkan Federal Funds Rate (FFR) pada paras tertinggi dalam dua dekad iaitu antara 5.25% hingga 5.50% bagi mengekang peningkatan inflasi. Jangkaan pasaran terhadap pengurangan kadar sehingga akhir 2024 telah mempengaruhi trajektori penurunan kadar hasil bon tempatan apabila pelabur asing menyesuaikan pemilihan pasaran dan portfolio. Sehubungan itu, pelaburan oleh bukan pemastautin dalam instrumen Kerajaan Persekutuan bagi lapan bulan pertama mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM16.3 bilion yang mencerminkan sentimen pelabur dan prospek ekonomi yang positif. Momentum ini dijangka berterusan memandangkan Fed telah menurunkan

FFR sebanyak 50 mata asas (bps) kepada lingkungan 4.75% hingga 5.00% pada September 2024.

Jawatankuasa Dasar Monetari mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% sejak kenaikan terakhir pada Mei 2023 seiring dengan penilaian inflasi dan prospek pertumbuhan domestik. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2024, kadar hasil penanda aras MGS untuk tempoh matang 3- hingga 7-tahun telah berkurang antara 1 hingga 14 bps manakala kadar hasil 10-tahun meningkat sebanyak 2 bps. Kadar hasil penanda aras bagi MGII dengan tempoh matang 3- hingga 7-tahun juga berkurang antara 7 hingga 17 bps manakala kadar hasil 10-tahun meningkat sebanyak 1 mata asas. Oleh itu, kos pinjaman purata berwajaran Kerajaan untuk lapan bulan pertama berkurang kepada 3.896% berbanding 4.047% bagi tempoh sama pada 2023. Pengurangan ini disokong oleh persekitaran kadar faedah rendah dan spread yang semakin mengecil merentasi tempoh matang mencerminkan keluk kadar hasil yang mendatar secara relatif.

Kerajaan menerima bidaan menerusi lelongan awam berjumlah RM269.6 bilion bagi tempoh Januari hingga Ogos 2024 untuk terbitan jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi berbanding nilai tawaran sebanyak RM107 bilion. Bidaan ini menyumbang terhadap purata nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) yang menggalakkan iaitu 2.52 kali (2023: 2.16 kali) didorong oleh permintaan kukuh daripada pelabur dalam pasaran domestik yang berkecairan tinggi. Selain itu, terbitan jangka panjang mencatat nisbah BTC lebih tinggi iaitu 2.62 kali berbanding 2.42 kali bagi kertas hutang jangka sederhana. Secara keseluruhan, permintaan yang teguh ini disokong oleh penyertaan pelabur institusi yang besar serta aliran masuk berterusan pelabur asing.

Malaysia terus menerajui pembangunan pasaran kewangan Islam dengan bahagian sebanyak 33.2% daripada jumlah sukuk global terkumpul sehingga Julai 2024. Kerajaan kekal aktif dalam menyokong penerbitan instrumen patuh Syariah yang memaparkan komitmen Malaysia terhadap pembangunan kewangan Islam. Komitmen ini ditunjukkan melalui terbitan domestik patuh Syariah pada 2024 yang dianggarkan mencapai 53.6% daripada jumlah pinjaman kasar. Selain itu, permintaan kukuh terhadap MGII menunjukkan nisbah BTC yang jauh lebih tinggi sebanyak 2.93 kali berbanding 2.14 kali bagi MGS. Nisbah bidaan yang lebih tinggi ini menunjukkan penerimaan yang menggalakkan terhadap instrumen tersebut disokong oleh ekosistem kewangan Islam yang kondusif. Sementara itu, penyenaian MGII dalam indeks global seperti Bloomberg Global Aggregate Index, J.P. Morgan Government Bond Index – Emerging Markets (GBI-EM) dan Markit iBoxx Asian Local Bond Index (ALBI) telah menyerlahkan kewujudan dan memudahkan pengesanan terbitan MGII dalam kalangan kumpulan pelabur yang lebih luas.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan meneruskan komitmen bagi mencapai paras hutang berhemat selaras dengan objektif fiskal di bawah Akta 850. Akta yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 menetapkan nisbah keseluruhan hutang kepada KDNK yang meliputi pinjaman dalam negeri dan luar pesisir tidak melebihi 60% dalam tempoh jangka masa sederhana. Selain itu, penguatkuasaan Akta 850 tidak melangkaui atau membatalkan perundangan berkaitan hutang sedia ada. Pada masa yang sama, had statutori hutang mengikut instrumen di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] kekal berkuat kuasa.

Keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,227.5 bilion atau 63.1% daripada KDNK pada akhir Jun 2024. Jumlah hutang terkumpul bagi setiap instrumen adalah

JADUAL 4.2. *Perundangan Hutang*

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR JUN 2024
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]¹ Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]²	Jumlah MGS, MGII dan MITB tidak melebihi 65% daripada KDNK	61.2% daripada KDNK
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	RM29.3 bilion
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	RM6 bilion
Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]	Keseluruhan hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK dalam tempoh jangka masa sederhana ³	63.1% daripada KDNK

¹ MGS diterbitkan di bawah Akta 637

² MGII dan MITB diterbitkan di bawah Akta 275

³ Jangka masa sederhana merujuk kepada tempoh antara tiga hingga lima tahun daripada tarikh kuat kuasa Akta 850

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 4.3. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen, 2023 – 2024*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹
Hutang dalam negeri	1,142,658	1,198,158	97.5	97.6	62.7	61.6
MGS	589,858	613,358	50.3	50.0	32.4	31.5
MGII	527,300	564,300	45.0	46.0	28.9	29.0
SPK	5,500	-	0.5	-	0.3	-
Bil Perbendaharaan	20,000	20,500	1.7	1.6	1.1	1.1
Pinjaman luar pesisir	29,851	29,330	2.5	2.4	1.6	1.5
Pinjaman pasaran	26,224	26,157	2.2	2.1	1.4	1.3
Pinjaman projek	3,627	3,173	0.3	0.3	0.2	0.2
Jumlah	1,172,509	1,227,488	100.0	100.0	64.3	63.1
<i>Item memorandum:</i> Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	257,389	258,371	22.5	21.6	14.1	13.3

¹ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

tidak melebihi had statutori yang ditetapkan di bawah perundangan berkaitan hutang. Hutang terkumpul MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) mencatat 61.2% daripada KDNK iaitu di bawah had statutori 65%. Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) dan pinjaman luar pesisir juga masih di bawah had RM10 bilion dan RM35 bilion dengan jumlah hutang sebanyak RM6 bilion dan RM29.3 bilion.

Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan adalah dalam denominasi ringgit yang merangkumi 97.6% daripada jumlah hutang manakala baki 2.4% dalam mata wang asing. Kebergantungan yang rendah kepada terbitan hutang dalam mata wang asing meminimumkan pendedahan Kerajaan kepada risiko tukaran asing. Komposisi instrumen patuh Syariah mencakupi MITB, MGII dan sukuk global mencatat 48.8% daripada jumlah hutang atau RM599.1 bilion (akhir 2023: 48.4%; RM567 bilion). Daripada jumlah ini, 96.6% atau RM578.8 bilion (akhir 2023: 96.5%; RM547.3 bilion) merupakan MITB dan MGII manakala baki merupakan sukuk global dalam

denominasi dolar AS dengan nilai RM20.3 bilion. Penerbitan instrumen patuh Syariah yang berterusan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global.

Jumlah hutang terkumpul merangkumi tempoh matang dan jenis instrumen yang berbeza. Bil Perbendaharaan yang berjangka pendek dengan tempoh matang 3-, 6-, 9- dan 12-bulan berjumlah RM20.5 bilion manakala MGS dan MGII merupakan instrumen jangka masa sederhana dan panjang antara 3- hingga 30-tahun telah mencatat RM613.4 bilion dan RM564.3 bilion. Pinjaman luar pesisir pula mencatat sebanyak RM29.3 bilion terdiri daripada pinjaman pasaran RM26.1 bilion dan pinjaman projek RM3.2 bilion dengan tempoh matang antara 10- hingga 30-tahun. Pinjaman pasaran termasuk sukuk global dan bon Samurai manakala pinjaman projek dilaksanakan melalui perjanjian bilateral dan multilateral. Sebanyak 69.2% daripada jumlah pinjaman luar pesisir adalah dalam denominasi dolar AS diikuti oleh yen (30.6%) dan mata wang lain (0.2%).

JADUAL 4.4. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang, 2023 – 2024*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ³	2023	2024 ³	2023	2024 ³
Pemastautin	889,974	944,625	75.9	77.0	48.8	48.6
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	312,780	324,418	26.7	26.4	17.1	16.7
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	33,890	33,881	2.9	2.8	1.9	1.7
Syarikat insurans	59,714	64,012	5.1	5.2	3.3	3.3
Bank Negara Malaysia	54,511	64,048	4.6	5.2	3.0	3.3
Institusi perbankan	359,445	361,008	30.6	29.5	19.7	18.5
Institusi kewangan pembangunan	10,126	28,667	0.9	2.3	0.5	1.5
Lain-lain ¹	59,508	68,591	5.1	5.6	3.3	3.6
Bukan pemastautin	282,535	282,863	24.1	23.0	15.5	14.5
Pengurusan aset	94,757	91,569	8.1	7.4	5.2	4.7
Bank pusat/kerajaan	70,730	74,417	6.0	6.1	3.9	3.8
Institusi perbankan	55,271	56,569	4.7	4.6	3.0	2.9
Dana persaraan	47,317	47,080	4.1	3.8	2.6	2.4
Syarikat insurans	8,536	8,493	0.7	0.7	0.5	0.5
Lain-lain ²	5,924	4,735	0.5	0.4	0.3	0.2
Jumlah	1,172,509	1,227,488	100.0	100.0	64.3	63.1

¹ Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan

² Termasuk individu, syarikat bukan kewangan, institusi bilateral dan multilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti

³ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pemegang hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelabur pemastautin dan bukan pemastautin. Pada akhir Jun 2024, pemegangan pemastautin mencatat RM944.6 bilion iaitu 77% daripada jumlah hutang. Institusi perbankan memegang komposisi terbesar sebanyak 29.5% diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (26.4%) dan Bank Negara Malaysia (BNM) (5.2%). Di samping itu, syarikat insurans memegang sebanyak 5.2% diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (2.8%), institusi kewangan pembangunan (2.3%) dan pemastautin lain (5.6%). Pemegangan pelabur institusi jangka panjang yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan terbitan kertas hutang jangka sederhana dan panjang. Keadaan ini mencerminkan strategi Kerajaan yang efektif dalam menguruskan profil kematangan hutang.

Pemegangan bukan pemastautin dalam hutang Kerajaan Persekutuan secara amnya stabil pada RM282.9 bilion atau 23% daripada jumlah hutang dengan RM258.4 bilion sekuriti dalam denominasi ringgit meskipun kadar dasar global menyederhana. Syarikat pengurusan aset kekal sebagai pemegang bukan pemastautin terbesar dengan pegangan sebanyak 7.4% diikuti oleh bank pusat/kerajaan (6.1%) serta institusi perbankan (4.6%). Pelabur institusi jangka panjang seperti dana persaraan dan syarikat insurans memegang sebanyak 3.8% dan 0.7% daripada jumlah hutang.

Bayaran khidmat hutang (DSC) Kerajaan Persekutuan pada 2024 dianggarkan sebanyak RM50.8 bilion atau 15.8% daripada hasil (2023: RM46.3 bilion; 14.7%). Peruntukan DSC yang lebih besar disebabkan oleh defisit belanjawan

yang berterusan walaupun dengan trend penurunan. Perbelanjaan DSC diperuntukkan terutamanya bagi bayaran faedah dan keuntungan instrumen domestik sebanyak RM50 bilion manakala RM0.8 bilion untuk pinjaman luar pesisir. Kos pinjaman purata berwajaran bagi keseluruhan hutang dalam negeri pada akhir Jun 2024 adalah pada kadar 4.119% (akhir 2023: 4.124%). Selain itu, ciri sekuriti hutang Kerajaan berkadar faedah tetap mengurangkan pendedahan kepada risiko turun naik kadar faedah sepanjang tempoh matang.

Strategi pinjaman antaranya bermatlamat untuk mengurus risiko pembiayaan semula secara berkesan dengan mengekalkan profil kematangan yang seimbang. Pada akhir Jun 2024, komposisi hutang terkumpul dengan baki tempoh matang lebih lima tahun telah meningkat kepada 61.7% (akhir 2023: 58.3%). Sementara itu, komposisi sekuriti dengan baki tempoh matang lima tahun dan ke bawah

berkurang kepada 38.3% (akhir 2023: 41.7%). Sehubungan itu, tempoh matang purata berwajaran bagi sekuriti hutang terkumpul dianggarkan meningkat kepada 9.3 tahun pada akhir 2024 (2023: 9 tahun).

Hutang Luar Malaysia

Hutang luar Malaysia² meningkat sebanyak 6.9% kepada RM1,328.2 bilion atau 68.2% daripada KDNK pada akhir Jun 2024 (akhir 2023: 8.5%; RM1,242.6 bilion; 68.2%) didorong oleh peningkatan pinjaman luar pesisir sektor korporat dan deposit bukan pemastautin. Pinjaman luar pesisir yang merupakan komponen terbesar hutang luar meningkat kepada RM711.9 bilion terutamanya untuk pengurusan mudah tunai dan kunci kira-kira. Selain itu, pemegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit meningkat sedikit kepada RM269.7 bilion. Hutang luar lain

JADUAL 4.5. Hutang Luar, 2023 – 2024

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ³	2023	2024 ³	2023	2024 ³
Pinjaman luar pesisir	666,531	711,925	53.6	53.6	36.6	36.6
Hutang jangka sederhana dan panjang	412,798	450,747	33.2	33.9	22.7	23.2
Sektor awam	145,962	150,180	11.7	11.3	8.0	7.8
Kerajaan Persekutuan	25,147	24,492	2.0	1.8	1.4	1.3
Syarikat awam	120,815	125,688	9.7	9.5	6.6	6.5
Sektor swasta	266,836	300,567	21.5	22.6	14.7	15.4
Hutang jangka pendek	253,733	261,178	20.4	19.7	13.9	13.4
Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	269,500	269,659	21.7	20.3	14.8	13.8
Hutang jangka sederhana dan panjang	264,687	267,016	21.3	20.1	14.5	13.7
Kerajaan Persekutuan	252,550	254,523	20.3	19.2	13.8	13.1
Lain-lain ¹	12,137	12,493	1.0	0.9	0.7	0.6
Hutang jangka pendek	4,813	2,644	0.4	0.2	0.3	0.1
Deposit bukan pemastautin	137,505	146,294	11.1	11.0	7.5	7.5
Lain-lain²	169,019	200,317	13.6	15.1	9.3	10.3
Jumlah	1,242,555	1,328,196	100.0	100.0	68.2	68.2

¹ Termasuk sektor swasta dan syarikat awam

² Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain

³ Akhir Jun 2024

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

² Hutang luar terdiri daripada pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin serta lain-lain hutang luar.

turut meningkat kepada RM200.3 bilion berikutan kredit perdagangan yang lebih tinggi terutamanya untuk tujuan import. Secara keseluruhan, hutang luar kekal terkawal mengambil kira profil kematangan dan mata wang yang terurus serta keperluan kehematan oleh BNM. Sebanyak 57.5% daripada jumlah hutang luar merupakan hutang yang akan matang dalam jangka masa sederhana dan panjang yang menunjukkan risiko pembiayaan semula diurus dengan baik. Dari aspek komposisi mata wang, satu pertiga daripada hutang luar adalah dalam denominasi ringgit manakala baki dalam mata wang asing.

Hutang Sektor Awam

Pada akhir Jun 2024, hutang sektor awam meningkat sebanyak 3.8% kepada RM1,638.1 bilion atau 84.2% daripada KDNK (akhir 2023: 6.6%; RM1,577.7 bilion; 86.5%) disumbangkan oleh peningkatan hutang

Kerajaan Persekutuan yang merangkumi 74.9% daripada jumlah hutang sektor awam. Di samping itu, hutang badan berkanun dijamin Kerajaan meningkat kepada RM102.5 bilion berikutan terbitan sekuriti hutang oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk tujuan pengeluaran pinjaman perumahan dan pendidikan. Selain itu, hutang bersih bagi syarikat awam bukan kewangan (SABK) meningkat sedikit kepada RM308.1 bilion terutamanya berikutan aktiviti pembiayaan oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, kenaikan ini sebahagiannya diimbangi oleh bayaran balik prinsipal hutang SABK yang matang termasuk Khazanah Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad. Secara keseluruhan, pendedahan hutang sektor awam kepada risiko tukaran asing adalah rendah memandangkan 90.7% daripada jumlah hutang merupakan dalam denominasi ringgit.

JADUAL 4.6. *Hutang Sektor Awam, 2023 – 2024*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARI PADA KDNK (%)	
	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹
Kerajaan Persekutuan	1,172,509	1,227,488	74.3	74.9	64.3	63.1
Dalam negeri	1,142,658	1,198,158	72.4	73.1	62.7	61.6
Luar pesisir	29,851	29,330	1.9	1.8	1.6	1.5
Badan berkanun	99,058	102,528	6.3	6.3	5.4	5.3
Dalam negeri	99,058	102,528	6.3	6.3	5.4	5.3
<i>antaranya: Dijamin</i>	99,058	102,528	6.3	6.3	5.4	5.3
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	306,133	308,106	19.4	18.8	16.8	15.8
Dalam negeri	188,926	184,944	12.0	11.3	10.4	9.5
<i>antaranya: Dijamin</i>	188,926	184,944	12.0	11.3	10.4	9.5
Luar pesisir	117,207	123,162	7.4	7.5	6.4	6.3
<i>antaranya: Dijamin</i>	35,630	39,323	2.3	2.4	2.0	2.0
Jumlah	1,577,700	1,638,122	100.0	100.0	86.5	84.2

¹ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan 2025

Strategi pembiayaan dan pengurusan hutang Malaysia yang kukuh telah mengurangkan potensi risiko dan membolehkan pelaburan berterusan dalam pembangunan negara meskipun persekitaran global yang mencabar. Ketika ini, inisiatif dan strategi yang dilaksanakan mula berhasil melalui trend penurunan pinjaman baharu dan pertumbuhan hutang seterusnya akan ditambah baik di bawah seliaan JRFL. Di samping itu, pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pascapandemik dijangka terus berkurang dari 13.6% daripada KDNK pada 2021 kepada sekitar 10% pada 2025. Strategi pinjaman Kerajaan akan terus mengutamakan sumber daripada pasaran domestik dengan memanfaatkan kecairan dalam pasaran modal bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko tukaran asing. Walau bagaimanapun, keperluan bagi pinjaman luar pesisir akan dinilai berdasarkan beberapa pertimbangan termasuk persekitaran pasaran kewangan global dan penerokaan struktur sukuk yang inovatif.


Kadar pertumbuhan hutang Kerajaan Persekutuan terus menunjukkan trend penurunan iaitu daripada 8.6% pada 2023 kepada hampir 7.5% pada 2024 dan kepada sekitar 6% pada 2025. Selain itu, nisbah hutang kepada KDNK diunjur kekal sekitar 64% pada akhir 2024 dan 2025. Melangkah ke hadapan, tumpuan perlu diberikan kepada usaha merancang pelaburan swasta bagi tujuan meningkatkan kapasiti dan produktiviti ekonomi seterusnya memacu pertumbuhan

negara. Pada masa yang sama, Kerajaan komited dalam mengutamakan pembaharuan fiskal melalui penjana hasil yang mampan dan mengoptimalkan perbelanjaan bagi mencapai paras hutang yang berhemat seperti termaktub di bawah Akta 850.


Kesimpulan

Dasar fiskal yang kukuh dan mampan penting dalam usaha Malaysia ke arah mencapai agenda pembangunan nasional dan melindungi kesejahteraan rakyat. Penambahbaikan tata kelola fiskal terutamanya melalui penetapan sasaran hutang jangka masa sederhana di bawah Akta 850 memerlukan pengukuhan disiplin fiskal dan kesegeraan pelaksanaan inisiatif pembaharuan. Pengurusan hutang dan strategi pinjaman yang efektif telah dilaksana bagi memastikan keupayaan Kerajaan memenuhi keperluan pembiayaan dan mengurangkan pendedahan risiko hutang. Sehingga kini, Kerajaan berupaya mendapatkan pembiayaan dengan kos keseluruhan yang lebih rendah di samping memanjangkan profil kematangan hutang. Permintaan terhadap kertas hutang Kerajaan kekal kukuh menunjukkan operasi pasaran yang lancar dan komunikasi yang jelas kepada peserta pasaran meskipun terdapat perubahan dalam strategi pinjaman. Secara keseluruhan, Kerajaan akan terus menambah baik pengurusan hutang dan menjadikan amalan terbaik antarabangsa sebagai penanda aras demi mencapai kemampanan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.


RAJAH 4.1. Terbitan mengikut Tempoh Matang



RAJAH 4.2. Nisbah BTC Terbitan MGS dan MGII




RAJAH 4.3. Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS



RAJAH 4.4. Kadar Hasil Indikatif MGS



RAJAH 4.5. Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan




¹ Akhir Ogos 2024


² Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


RAJAH 4.6. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang




RAJAH 4.7. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin




RAJAH 4.8. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang



RAJAH 4.9. Bayaran Khidmat Hutang



RAJAH 4.10. Profil Kematangan Hutang



¹ Akhir Jun 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia